

PERANAN PENDIDIKAN SIRAH DALAM PEMBENTUKAN IDENTITI MUSLIM: SATU ANALISIS KONSEPTUAL

THE ROLE OF SIRAH EDUCATION IN SHAPING MUSLIM IDENTITY: A CONCEPTUAL ANALYSIS

Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain¹ & Kamaru Salam Yusof²

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,

Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Malaysia¹

Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Brunei²

muhammadtalhah.j@utm.my¹ & kamaru.yusof@unissa.edu.bn²

ABSTRACT

The formation of Muslim identity is a central pillar of Islam, encompassing the integration of creed ('aqidah), akhlaq, and social responsibility. In contemporary times, Muslims face critical challenges such as identity crises, religious confusion, moral decay, and a loss of life direction. This study aims to examine the role of Sirah Nabawiyyah as a divine educational framework (tarbiyah rabbaniyyah) that shapes Muslim individuals through aqidah, character, spirituality, and leadership. Employing a qualitative content analysis approach grounded in classical texts and library-based research, this paper argues that the Sirah should not be viewed merely as a historical narrative or collection of facts, but rather as a dynamic medium for character formation and transformative development. The findings indicate that Sirah education significantly enhances Muslim identity. However, current instructional methods require the integration of value-based pedagogy and Higher-Order Thinking Skills (HOTS) to ensure deeper internalisation and impact. Accordingly, this study recommends pedagogical reform in Sirah education through the incorporation of technology, interactive materials, professional teacher training, and reflective, contextual approaches underpinned by accurate and relevant references. Ultimately, Sirah Nabawiyyah must be recognised as a foundational element within the Islamic education system, capable of addressing identity crises and laying the groundwork for a holistic and prophetic model of Muslim revival.

Keywords: *Sirah Nabawiyyah, Muslim identity formation, Sirah education, tarbiyah rabbaniyyah, youth identity, Higher-Order Thinking Skills (HOTS)*

ABSTRAK

Pembentukan identiti Muslim merupakan teras utama dalam Islam yang bersifat menyeluruh, melibatkan kesatuan antara aspek aqidah, akhlak dan peranan sosial. Realiti semasa, umat Islam berhadapan dengan cabaran serius seperti krisis identiti, kekeliruan pegangan agama, kejahatan sosial dan kehilangan arah tujuan hidup. Kajian konsep ini bertujuan untuk meneliti peranan Sirah Nabawiyyah sebagai kerangka tarbiyah rabbani yang berfungsi membentuk individu Muslim berasaskan Aqidah, Akhlak, spiritualiti dan kepimpinan. Melalui pendekatan analisis kandungan secara kualitatif terhadap teks klasik dan kajian perpustakaan, makalah ini mengemukakan bahawa Sirah bukan sahaja sebagai naratif Sejarah dan fakta, tetapi menunjukkan medium dan cara dalam sebuah perubahan dan pembinaan sahsiah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Pendidikan Sirah akan menaikkan jati diri seorang muslim, serta pengajaran Sirah masa kini perlu integrasikan pedagogi nilai serta kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) agar memberikan kesan penghayatan. Kajian ini mencadangkan pembaharuan dalam pendekatan pengajaran Sirah melalui integrasi teknologi, penggunaan bahan interaktif, latihan profesional guru serta pendekatan reflektif dan

kontekstual serta mendapatkan rujukan yang tepat. Justeru, Sirah juga perlu dilihat sebagai asas utama dalam sistem pendidikan Islam, yang mampu menawarkan solusi kepada krisis jati diri dan menjadi batu asas kebangkitan umat Islam yang bersifat menyeluruh dan berakar dari *manhaj nubuwwah*.

Kata kunci: *Sirah Nabawiyyah, pembinaan jati diri Muslim, pendidikan Sirah, Tarbiah Rabbani, identiti remaja, Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)*

PENDAHULUAN

Pembentukan individu Muslim merupakan asas utama dalam pembinaan sesebuah masyarakat, negara dan perubahan kepada Umat Islam. Pembinaan jati diri ini tidak hanya terbentuk melalui nama atau kelahiran dalam keluarga Islam, tetapi melalui penghayatan akan kefahaman Islam yang sebenar yang terbit daripada Aqidah yang sejahtera, ibadah yang benar, serta akhlak yang terpuji. Dalam hal ini, Sirah Nabawiyyah merupakan kisah kehidupan dan perjuangan Rasulullah SAW yang memainkan peranan yang sangat penting sebagai *manhaj rabbani* dalam membentuk jati diri Muslim yang seimbang dari sudut ruhani, intelek dan sosial, sehingga Allah SWT menyebutkan bahawa Sirah adalah cara untuk mengapai petunjuk (Hidayah) (Rasheed Kahus, n.d.), seperti mana dijelaskan dalam firman Allah SWT:

سَنُعِيدُهَا سِيرَتَهَا الْأُولَىٰ

"Kami akan mengembalikannya kepada keadaan yang asal.."

(Surah Taha, 20:21)

Ayat ini menegaskan bahawa Sirah Rasulullah SAW adalah satu jalan untuk melihat perjalanan dalam membentuk identiti seorang Muslim, iaitu mereka yang benar-benar berharap kepada keredhaan Allah SWT dan kehidupan akhirat. Sirah bukan sekadar catatan Sejarah, ia adalah cermin keperibadian agung yang menjadi panduan sepanjang zaman juga satu kaedah dalam mengembalikan semula Islam.

Menurut Sa'id Ramadan al-Buti (1992), dalam karyanya *Fiqh al-Sirah*, beliau menyatakan: *"Mempelajari Sirah bukan untuk tujuan pengaguman sejarah semata-mata, tetapi untuk mengambil ibrah dalam membina realiti kehidupan kita yang sedang kita jalani sekarang."*

(al-Buti, 1992, hlm. 15)

Dalam konteks masyarakat hari ini, yang sedang berhadapan dengan cabaran serangan pemikiran, keruntuhan akhlak, identiti yang kabur serta kehilangan arah tujuan hidup, Sirah menjadi wahana penting dalam proses tarbiah (Pendidikan) yang mendidik bukan sahaja akal, tetapi hati dan tindakan. Sirah menyediakan kerangka identiti yang utuh, menyeluruh dan relevan sepanjang zaman, yang ditunjangi oleh Aqidah, kenabian, kisah yang "real" dan perjuangan menegaskan kebenaran.

Ibnu Khaldun juga menekankan nilai pendidikan dari sejarah dalam *Muqaddimah*-nya: *"Sejarah memberi pelajaran dan pengajaran kepada manusia. Ia menjadi asas ilmu untuk memahami hakikat agama, bangsa dan tamadun."*

(Ibn Khaldun, *Muqaddimah*, terj. Rosenthal, 1958)

Melalui pembelajaran Sirah, individu bukan sahaja didedahkan kepada kisah perjuangan Rasulullah SAW, tetapi juga dapat membentuk akhlak, kepimpinan dalam membawa al-Haq, mengetahui formula kebangkitan Islam dan kebijaksanaan dakwah yang amat relevan dalam mendepani realiti semasa. Hal ini menjadikan Sirah sebagai komponen penting dalam pembentukan individu Muslim yang bersifat holistik, merangkumi aspek iman, ilmu, amal dan Akhlak. Sirah dan peristiwa yang berlaku semalam tidak akan pernah terpisah daripada Sejarah kehidupan kita (Thoriq Ahmad, 2010). Hal ini kerana Allah SWT menjelaskan dalam al-Quran:

لَقَدْ كَانَ فِي قَصَصِهِمْ عِبْرَةً لِّأُولِي الْأَلْبَابِ ۚ مَا كَانَ حَدِيثًا يُفْتَرَىٰ وَلَكِن تَصْدِيقَ الَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَتَفْصِيلَ كُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ

Terjemahan, “*Sesungguhnya dalam kisah-kisah mereka itu terdapat pengajaran bagi orang-orang yang berakal. Ia bukanlah cerita yang diada-adakan, tetapi merupakan pengesahan terhadap wahyu (kitab) yang sebelumnya, dan sebagai penjelasan segala sesuatu, serta petunjuk dan rahmat bagi kaum yang beriman.*”

(Surah Yusuf, ayat 111)

PENYATAAN MASALAH

Dunia Islam hari ini sedang berdepan dengan krisis identiti yang serius, terutamanya dalam kalangan generasi muda. Fenomena ini tidak berlaku secara terasing, tetapi berpunca daripada pelbagai faktor yang saling berkait seperti arus globalisasi, kecelaruan media sosial, kelemahan *tarbiyah* (Pendidikan), serta kekaburan dalam memahami agama sebagai cara hidup. Krisis ini mengakibatkan sebahagian besar umat Islam, terutama generasi muda kehilangan arah dalam memahami tujuan hidup yang sebenar sebagai Abid dan Khalifah, keruntuhan Akhlak dan lemah jati diri sebagai Muslim. Hal ini diperlihatkan dalam Sirah, bagaimana umat sebelum Islam hadir iaitu masyarakat Jahiliyyah, boleh berubah dengan kehadiran Islam (Thoriq Ahmad, 2010). Ironinya, itulah perlu kepada melihat Sirah agar mengetahui cara dan pembentuk yang dibina oleh Rasulullah SAW ke atas para sahabatnya RA daripada seorang individu yang jahil yang kemudiannya boleh berubah menjadi Islam yang sebenar.

Kecelaruan dalam Pegangan Agama

Fenomena kecelaruan dalam pegangan agama dalam kalangan remaja Muslim semakin membimbangkan. Kajian antarabangsa oleh Pew Research Center (2022) menunjukkan peningkatan jumlah remaja Muslim yang mula mempertikaikan nilai-nilai agama, mengalami kekeliruan identiti gender, serta terpengaruh dengan fahaman liberal dan sekular yang bertentangan dengan prinsip asas Islam. Di peringkat tempatan, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dalam laporan tahunannya turut mendedahkan peningkatan kes murtad, atheisme dan pemikiran songsang dalam kalangan generasi muda (MAIS, 2021). Laporan-laporan ini jelas menunjukkan bahawa semakin ramai remaja yang terdedah kepada ideologi yang mencabar keutuhan akidah dan nilai keagamaan mereka.

Tambahan pula, media arus perdana turut melaporkan kebimbangan terhadap penyebaran fahaman yang merosakkan. Harakah Daily (6 Disember 2024) menyatakan bahawa fahaman liberal dan sekular digunakan sebagai alat untuk mengikis pengaruh Islam dalam masyarakat. Berita Harian (23 Oktober 2024) pula melaporkan bahawa kerajaan sedang menyiasat 20 ajaran sesat, termasuk lapan yang dipantau secara dekat oleh pihak berkuasa. Salah satu ajaran tersebut ialah kumpulan yang menggelarkan diri mereka ‘The Ahmadi Religion of Peace and Light’ atau ‘Ahmadi Agama Keamanan dan Cahaya’, yang diketuai oleh individu yang mendakwa sebagai Imam al-Mahdi (Al-Afkar, 10 Mac 2024). Apa yang lebih membimbangkan, gerakan seperti ini

turut menyasar mahasiswa sebagai medium penyebaran, menjadikan universiti sebagai medan subur bagi penyebaran idea liberal dan sekular (Berita Harian, 12 Januari 2024). Perkembangan ini secara tidak langsung mencerminkan betapa rapuhnya ikatan spiritual dan kurangnya penghayatan terhadap nilai agama dalam kehidupan seharian remaja Muslim masa kini.

Kebejatan Gejala Sosial

Peningkatan gejala sosial dalam kalangan remaja di Malaysia semakin membimbangkan. Statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM, 2023) menunjukkan peningkatan ketara dalam kes kehamilan luar nikah, ponteng sekolah, penyalahgunaan dadah serta kes buli yang melibatkan remaja. Laporan akhbar turut mengesahkan bahawa gejala sosial dalam kalangan remaja semakin menjadi-jadi dari hari ke hari (Harakah Daily, 10 Julai 2024). Keadaan ini mencerminkan betapa nilai jati diri remaja semakin terhakis akibat tekanan persekitaran, pengaruh media sosial dan kelemahan dalam pelaksanaan tarbiah (pendidikan sahsiah) secara berkesan.

Gejala berkaitan tingkah laku berisiko turut direkodkan secara signifikan dalam kalangan pelajar sekolah. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaporkan hampir 20,000 murid telah terjebak dalam penggunaan rokok elektronik atau vape, berdasarkan data Sistem Sahsia Diri Murid (SSDM) (Berita Harian, 4 Februari 2025). Dalam masa yang sama, National Health and Morbidity Survey (NHMS, 2019) turut melaporkan peningkatan kes kecelaruan mental dan kecenderungan membunuh diri dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Gejala-gejala ini membayangkan krisis nilai yang kronik dalam kalangan remaja yang seharusnya dibendung menerusi pendidikan rohani dan pembangunan karakter berasaskan Islam.

Lebih membimbangkan, jenayah seksual dan kes buli terus meningkat dan merentas semua peringkat institusi pendidikan. Terkini akhbar melaporkan di Kelantan, menunjukkan peningkatan kes rogol dan sumbang mahram, dengan mangsa dan pelaku kebanyakannya remaja bawah umur (Berita Harian, 9 April 2025). Dalam konteks kes buli pula, pelbagai laporan menunjukkan pola peningkatan yang merisaukan; antaranya kes buli pelajar MRSM yang sedang disiasat pihak polis (Berita Harian, 8 April 2025), kes berterusan di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (MalaysiaGazette, 11 November 2024), dan data yang merekodkan 0.21 peratus pelajar serta murid di Kedah terlibat dalam gejala buli (RTM, 17 Januari 2025). Fenomena ini menzahirkan betapa seriusnya keruntuhan sahsiah dalam kalangan generasi muda, sekaligus menyeru kepada reformasi pendidikan kembali dengan merujuk wahyu dan pendekatan pembinaan karakter yang lebih holistik dan menyeluruh.

Kehilangan Model Teladan dalam Pembinaan Diri

Sebahagian remaja hari ini lebih mengenali ikon media sosial dan selebriti berbanding tokoh-tokoh Islam yang sepatutnya dijadikan contoh. Fenomena ini menggambarkan krisis identiti dan arah panduan dalam kalangan generasi muda Islam. Ketandusan model ketokohan Islam dalam persekitaran mereka telah menyebabkan remaja mencari alternatif dalam kalangan selebriti popular yang sering mempamerkan gaya hidup yang tidak selari dengan nilai-nilai Islam. Menurut Abu Hassan Hasbullah (2022), pengaruh selebriti dan “*influencer*” dalam membentuk gaya hidup, pandangan politik dan tingkah laku sosial remaja Muslim di Malaysia kini jauh mengatasi pengaruh keluarga dan institusi pendidikan. Hal ini menunjukkan berlakunya peralihan nilai dan fokus terhadap siapa yang dianggap sebagai role model dalam kalangan remaja hari ini.

Bahkan, budaya popular global seperti K-pop semakin mendominasi perhatian remaja dan secara perlahan-lahan membentuk citarasa, pemikiran, serta persepsi mereka terhadap kejayaan dan identiti diri. Kajian oleh Afrilia (2021) menunjukkan bahawa remaja menjalin hubungan psikologi yang kuat dengan artis K-pop sehingga menjadikan mereka sebagai idola utama, melebihi tokoh-tokoh ilmunan atau agamawan. Apabila tokoh-tokoh Islam tidak diperkenalkan dengan pendekatan yang

relevan, kreatif dan bersifat kontemporari, maka jurang antara generasi muda dan sejarah keilmuan Islam akan terus melebar. Hal ini memberi implikasi besar terhadap usaha membina generasi Muslim yang kukuh jati diri, berakhlak dan berlandaskan nilai-nilai Ilahi.

Kelemahan dalam Kurikulum Pendidikan Islam

Pengajaran Pendidikan Islam dilihat masih didominasi oleh pendekatan tradisional yang berfokus kepada penyampaian fakta dan hafalan, tanpa penekanan yang mencukupi terhadap penghayatan nilai dan pemikiran reflektif. Kajian oleh Hashim dan Embong (2017) menunjukkan bahawa pendekatan ini kurang efektif dalam membentuk pemikiran kritis dan penghayatan mendalam terhadap isi kefahaman Islam. Dalam konteks pengajaran Sirah Nabawiyyah, pendekatan naratif semata-mata tanpa pengaitan kepada realiti semasa menyebabkan pelajar sukar mengaitkan kisah-kisah tersebut dengan kehidupan mereka (Muhammad Talhah et al., 2024), seterusnya mengurangkan keberkesanan pembelajaran dalam membentuk identiti Muslim yang kukuh.

Kajian oleh Muhammad Talhah et al. (2024) mendapati bahawa guru-guru Pendidikan Islam menghadapi cabaran dalam mengintegrasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam pengajaran Sirah, yang penting untuk membina pemikiran kritis dan reflektif dalam kalangan pelajar. Kajian lain oleh Saidatul Najihah et al. (2025) menunjukkan bahawa teknik pengajaran Sirah yang digunakan oleh guru-guru masih belum mencapai tahap yang optimum dalam menarik minat pelajar dan menggalakkan penghayatan Islam. Situasi ini menekankan keperluan untuk menilai semula pendekatan pengajaran Sirah dalam kurikulum Pendidikan Islam, agar lebih berfokus kepada peranan Sirah dalam kehidupan, pembentukan akhlak dan identiti Muslim yang sebenar.

Cabaran Era Digital dan Budaya Hedonisme

Kewujudan media sosial, hiburan tidak bermoral dan budaya hedonisme telah menjadi cabaran besar kepada umat Islam masa kini. Penggunaan media digital tanpa sempadan telah mempengaruhi nilai dan cara berfikir generasi muda. Menurut MCMC Internet Users Survey (2023), lebih 85% remaja di Malaysia menggunakan internet lebih 6 jam sehari, dan 67% daripadanya terdedah kepada kandungan tidak bermoral, seperti pornografi, budaya LGBTQ+ dan mesej anti-agama. Hal ini mengakibatkan nilai Islam semakin terhakis dalam diri mereka.

Ironinya, apa yang sedang berlaku hari ini bukanlah sesuatu yang asing dalam sejarah umat. Zaman Jahiliyyah di Mekah pada masa sebelum kebangkitan Rasulullah SAW juga dipenuhi dengan keruntuhan akhlak, pembunuhan bayi perempuan, penyembahan berhala, tidak jelas akan tujuan hidup, penindasan sosial dan kezaliman ekonomi. Namun, dalam tempoh hanya dua dekad, masyarakat itu berubah menjadi umat yang paling unggul dalam sejarah tamadun manusia, melalui manhaj dakwah, *tarbiyah* dan pembinaan identiti berasaskan Sirah Nabi SAW.

Kata al-Imam Ibn al-Qayyim dalam *Zad al-Ma'ad*:

“Tiada satu jalan ke arah kebahagiaan, kejayaan dan kesejahteraan, melainkan yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah SAW dalam sirahnya.”

(Ibn al-Qayyim, 1994)

Perubahan besar ini bukan berlaku secara magik, tetapi melalui penghayatan mendalam terhadap prinsip Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW, prinsip yang termaktub dalam Sirahnya: kesabaran, kebijaksanaan, kasih sayang, keadilan, keberanian dan Aqidah yang sejahtera. Oleh itu, penyelesaian kepada pelbagai masalah dinihari dan seterusnya adalah dengan perlu kembali kepada asas. Pembelajaran dan penghayatan terhadap Sirah bukan lagi pilihan, tetapi keperluan sebagai wahana membina identiti Muslim yang bukan sahaja bertaqwa, tetapi berjiwa besar, berakhlak tinggi dan tahan diuji.

KEPENTINGAN PEMBELAJARAN SIRAH DALAM PENDIDIKAN ISLAM

Pembelajaran Sirah Nabawiyyah bukan sekadar penceritaan sejarah kehidupan Rasulullah SAW, tetapi merupakan suatu pendekatan tarbiah yang menyeluruh (holistik) dalam membina peribadi dan identiti Muslim. Sirah adalah manifestasi amali terhadap al-Quran dan al-Hadis yang diterjemahkan melalui perilaku, tindakan serta strategi dakwah Rasulullah SAW. Oleh itu, pengajaran Sirah perlu diberi penekanan dalam sistem pendidikan Islam agar bukan sahaja memahami Islam secara teori, tetapi mampu menghayati serta mengamalkannya dalam kehidupan sebenar. Para tokoh dalam bidang Sirah seperti Muhammad al-Ghadban (1987), Muhammad al-Ghazali (2010), Muhammad al-Khudhari (2003), Mustafa as-Sibaie (2004), Rasheed Kahus (n.d.), 'Aidh al-Qarni (2009), Amru Khalid (2014), dan Sa'id Ramadan al-Buti (2018) menekankan bahawa Sirah merupakan formula perubahan masyarakat melalui pendekatan strategi dakwah dan pembentukan iman melalui tarbiah yang mampan.

Antara kepentingan utama pembelajaran Sirah ialah sebagai asas pembentukan akhlak dan peribadi Muslim sejati. Akhlak utama yang akan terdidik seperti *siddiq* (benar), *amanah* (dipercayai), *tabligh* (menyampaikan) dan *fatamah* (bijaksana) yang terpancar dari keperibadian Rasulullah SAW menjadi tiang seri dalam pendidikan Islam. Al-Ghazali (2005) ada menukikan dalam *Ihya' 'Ulum al-Din* bahawa, pendidikan akhlak adalah kemuncak segala bentuk pendidikan dan ini hanya dapat dicapai dengan menjadikan Rasulullah SAW sebagai *qudwah hasanah*. Selain itu, penguasaan Sirah memperkukuh kefahaman terhadap al-Quran, khususnya dari aspek konteks turunnya wahyu (asbab al-nuzul), seperti yang ditegaskan oleh Ibn Kathir (2003). Tanpa memahami Sirah, seseorang individu mungkin membaca al-Quran secara literal tanpa menggali hikmah, strategi dan konteks yang berlaku ketika itu dan mengaitkan dengan keadaan semasa. Seperti mana dijelaskan juga oleh al-Baghdadi (1981) berkenaan sirah iaitu:

«كُنَّا نَعْلَمُ مَغَازِي رَسُولِ اللَّهِ ﷺ كَمَا نَعْلَمُ السُّورَةَ مِنَ الْقُرْآنِ»

Maksudnya, “*Kami dahulu mengetahui al-maghazi Rasulullah saw, sebagaimana kami mengetahui satu surah dari Al-Qur'an.*”

Hal ini menunjukkan bahawa, surah dalam al-Quran sangat mustahak, kerana ia akan melengkapkan kefahaman keseluruhan al-Quran. Maka, begitu juga sirah Rasulullah mustahak di kuasai, jika tidak, ibarat tidak menguasai keseluruhan al-Quran. Tanpa mengetahui sirah, ianya memberikan kesan untuk tidak mampu selami sesuatu surah tersebut dengan menyeluruh.

Sirah juga menyediakan asas kepada kepimpinan (*value-based leadership*) yang amat penting dalam membina masyarakat yang hidup dengan Islam. Kejayaan Rasulullah SAW dalam membentuk komuniti yang adil dan berperadaban tinggi di Madinah melalui Piagam Madinah, strategi hijrah, hikmah dalam strategi setiap peperangan dan pengurusan konflik dalam Perjanjian Hudaibiyyah adalah bukti kepimpinan baginda dalam mengurus perbezaan dengan rahmah. Sirah turut menjadi sumber kekuatan mental dan spiritual bagi generasi muda. Muhammad Qutb (1992) menyatakan bahawa Sirah adalah sumber motivasi spiritual dan tenaga psikologi yang tidak pernah kering untuk umat Islam dalam menghadapi penolakan, tekanan dan fitnah. Nilai-nilai ini sangat diperlukan dalam mendepani cabaran dunia moden.

Lebih daripada itu, Sirah adalah formula kebangkitan Islam seperti yang telah terbukti pada zaman Rasulullah SAW dan para sahabat. Pembentukan individu muslim melalui Sirah bukan hanya melahirkan individu soleh, bahkan menjadi batu asas kepada perubahan sebenar yang menyeluruh dari masyarakat jahiliyyah kepada masyarakat Islam sebenar. Sayyid Qutb (2001) dalam tafsirnya *Fi Zilal*

al-Qur'an menegaskan bahawa Sirah ialah gambaran hidup kepada al-Quran dan kebangkitan Islam hanya boleh berlaku melalui jalan yang telah ditempuh Rasulullah SAW, bukan dengan meniru tamadun luar dan asing. Sejarah memperlihatkan bahawa setiap gerakan dakwah juga mengangkat Sirah sebagai rujukan asas tarbiah dan dakwah (Hasan al-Banna, *n.d*). Bagi Hasan al-Banna (*n.d*), Sirah membentuk akhlak, menguatkan azam dan menjadi pelita dalam perjalanan perjuangan.

Sa'id Ramadan al-Buti (2018) turut menegaskan bahawa Sirah bukanlah naratif kosong, sebaliknya sumber kekuatan yang membentuk generasi awal Islam yang merubah dunia. Shafiyyurrahman al-Mubarakfuri dalam *al-Rahiq al-Makhtum* menambah bahawa Sirah membina umat secara rohani sebelum aspek fizikal, dan akhlak Rasulullah SAW merupakan senjata pertama dalam menawan hati manusia sebelum menawan wilayah mereka. Ibn Qayyim (*n.d.*) pula menegaskan bahawa tiada jalan lain untuk mengenal Allah SWT dan agama-Nya secara benar melainkan melalui jalan Rasulullah SAW (*Zad al-Ma'ad*). Maka, Sirah bukan sekadar ilmu tentang fakta sejarah, tetapi sebuah sumber emosi, nilai, spiritualiti dan tindakan, yang mampu melahirkan individu Muslim yang berjiwa besar, mencintai kebenaran dan memahami *Thoriq amal* (Jalan amal perjuangan).

Dalam konteks pendidikan Islam hari ini, pembelajaran Sirah perlu difungsikan sebagai asas kepada pendidikan nilai (*values-based education*), bukan hanya pengisian kandungan Sejarah dan fakta sahaja. Sahin (2013) mengingatkan bahawa pembelajaran yang bersifat naratif semata-mata tidak mencukupi; pembelajaran mestilah bersifat reflektif dan membina makna sendiri. Sirah menyediakan ruang refleksi tersebut melalui kisah-kisah yang mendidik jiwa, membina empati dan mengaitkan dengan amal pada diri. Hal ini lebih penting dalam pendidikan awal kanak-kanak dan remaja, di mana pendekatan berasaskan penceritaan (*story-based learning*) amat berkesan. Bruner (1996) menyatakan bahawa manusia membentuk nilai kehidupan melalui penceritaan dan Abdul Hasan 'Ali Nadwi (1996) dalam *Qasas al-Nabiyyin* telah membuktikan bahawa pendekatan Sirah sejak awal usia mampu membentuk asas spiritual dan akhlak yang kuat dalam diri anak-anak Muslim.

Oleh itu, tidak keterlaluan untuk dinyatakan bahawa pembelajaran Sirah merupakan teras kepada pendidikan Islam itu sendiri. Ia merangkumi bukan sahaja aspek keilmuan, tetapi juga pembinaan rohani, sosial dan sahsiah secara menyeluruh. Sirah memainkan peranan utama dalam memahami agama secara praktikal, membentuk akhlak Muslim yang sebenar serta menjadi asas kepada kebangkitan umat Islam. Ia bukan sekadar warisan sejarah, tetapi merupakan strategi perubahan sesebuah masyarakat dan rohani yang telah terbukti keberkesanannya sejak zaman Rasulullah SAW dan generasi awal Islam. Justeru, pendidikan Sirah perlu dijadikan agenda utama dalam sistem pendidikan Islam masa kini, sebagai benteng menghadapi keruntuhan Akhlak serta pemangkin kepada pembinaan generasi Muslim yang berjati diri, berakhlak dan membawa perubahan masyarakat.

CABARAN DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN DALAM PENGAJARAN SIRAH

Pengajaran Sirah dalam konteks pendidikan Islam kontemporari menghadapi pelbagai cabaran yang memerlukan perhatian serius untuk memastikan keberkesanan dalam membentuk identiti dan akhlak pelajar. Kajian oleh Muhammad Talhah et al. (2024) menunjukkan bahawa integrasi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam pengajaran Sirah berada pada tahap sederhana, dengan penekanan yang lebih kepada penyampaian fakta sejarah berbanding analisis kritikal dan penghayatan. Kebanyakan guru masih menggunakan kaedah penceritaan semata-mata tanpa menghubungkaitkan hikmah Sirah dengan isu semasa dan kehidupan, menyebabkan pelajar sukar melihat kerelevanan Sirah dengan kehidupan mereka.

Selain itu, penggunaan teknologi seperti garis masa interaktif, gamifikasi dan kajian kes masih kurang diterapkan (Murni & Asyraf Isyraqi, 2024) dalam pengajaran Sirah. Hal ini menyebabkan pelajar kurang terlibat secara aktif dan sukar mengaitkan pembelajaran dengan kehidupan sebenar. Pendekatan pedagogi berasaskan nilai (*values-based pedagogy*) dan heutagogi boleh diperkenalkan untuk memperkasakan pelajar sebagai ejen aktif (Mohd Noor et al., 2021) dalam meneroka dan menghayati Sirah. Bahkan, menurut Noraziah et al., (2022), guru Pendidikan Islam juga berdepan kekangan latihan profesional dalam bidang pedagogi Sirah. Banyak guru tidak mendapat latihan yang khusus untuk menjadikan Sirah sebagai medium tarbiah menerapkan nilai dan pembinaan watak individu. Hal ini menjadikan mereka lebih selesa dengan kaedah tradisional walaupun kesannya terhadap yang mendengar semakin menurun.

Bagi mengatasi cabaran-cabaran tersebut, beberapa cadangan penambahbaikan boleh dipertimbangkan. Guru perlu dilatih untuk membina soalan dan aktiviti yang merangsang pemikiran aras tinggi dalam Sirah (Muhammad Talhah et al., 2024), seperti analisis strategi dakwah Nabi SAW, penilaian tindakan para sahabat dan refleksi kepada bentuk amal berdasarkan peristiwa-peristiwa dalam Sirah. Alat bantu seperti aplikasi visual, garis masa interaktif dan gamifikasi (Murni & Asyraf Isyraqi, 2024) boleh digunakan untuk menjadikan pembelajaran Sirah lebih menarik dan bersifat kinestetik, visual dan digital. Sirah perlu diajar bukan sekadar sebagai sejarah, tetapi sebagai penghayatan, pengajaran untuk dipraktikkan dalam kehidupan dan pengukuhan akhlak. Kaedah seperti kajian kes, permainan peranan dan pembelajaran berasaskan projek boleh digunakan bagi menggalakkan pelajar mengaitkan hikmah Sirah dengan kehidupan mereka. Pihak institusi pendidikan perlu menyediakan latihan berkala kepada guru Pendidikan Islam untuk mendalami pedagogi kontemporari dan metodologi Sirah yang lebih efektif. Modul pembelajaran Sirah perlu dikembangkan agar merangkumi cabaran kontemporari seperti kepimpinan generasi muda, kesihatan mental dan media sosial, serta bagaimana Rasulullah SAW dan para sahabat merubah sebuah masyarakat dalam konteks mereka. Tuntasnya, dengan mengintegrasikan pendekatan-pendekatan ini, pengajaran Sirah dapat menjadi lebih relevan dan berkesan dalam membentuk individu Muslim yang solleh dan musleh.

KESIMPULAN

Sirah Nabawiyyah bukan sekadar catatan sejarah, tetapi merupakan teras penting dalam pembentukan identiti Muslim yang sejati. Melalui pemahaman dan penghayatan Sirah Rasulullah SAW, individu Muslim tidak hanya dapat membina akhlak mulia, tetapi juga membentuk jati diri yang tahan uji dalam menghadapi pelbagai tekanan serta mengetahui formula *thoriq amal* (pendekatan perubahan). Sirah memainkan peranan penting dalam memupuk akhlak, kepimpinan, nilai spiritual dan sosial yang berakar daripada wahyu. Sirah memberi alternatif kepada krisis identiti remaja Muslim hari ini dengan menawarkan teladan hidup sebenar yang seimbang antara ruhaniyyah dan kemanusiaan. Penekanan kepada aspek *tarbiyah ruhiyyah*, pembinaan nilai menerusi naratif sejarah dan refleksi terhadap peristiwa-peristiwa dalam Sirah mampu menghasilkan generasi yang berfikiran tajam, berjiwa besar dan membawa perubahan kepada masyarakat.

Namun, pengajaran Sirah hari ini dilihat masih berdepan pelbagai cabaran, antaranya ialah pendekatan pedagogi yang bersifat hafalan, kurang kreatif, kekurangan teknologi interaktif, serta ketiadaan latihan profesional yang mencukupi kepada guru untuk menyampaikan Sirah secara berkesan dan kontekstual (Muhammad Talhah et al., 2024; Zulkefli & Jamil, 2024). Malah, dalam realiti yang dipenuhi pengaruh budaya luar dan ketandusan teladan, ramai remaja lebih cenderung meniru selebriti berbanding mengenali sahabat-sahabat Nabi SAW sebagai ikon kehidupan. Oleh

itu, generasi hari ini diseru untuk mengkaji Sirah secara mendalam dan berterusan, bukan sekadar sebagai subjek di sekolah, tetapi sebagai panduan kehidupan. Sirah perlu diajar dengan pendekatan yang membina pemikiran kritis, menghidupkan nilai dan membangkitkan perasaan empati dan cinta kepada perjuangan Rasulullah SAW. Hanya dengan kembali kepada rujukan utama ini, umat Islam akan dapat menemui kembali jati diri mereka dan menyusun langkah kebangkitan ummah berdasarkan manhaj Nabawi.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

‘Aidh Al-Qarni. (2009). *Rawai’ al-Sirah al-Nabawiyyah*. Riyadh: Dar Ibn Hazm. (Tajuk terjemahan: “Keindahan Sirah Nabawiyyah” dalam beberapa versi Melayu.)

Abdul Hasan ‘Ali Nadwi. (1996). *Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal* (Cet. ke-20). Beirut: Mu’assasah al-Risalah.

Abu Hassan Hasbullah. (2022). *Kajian Pengaruh Media Sosial terhadap Gaya Hidup Belia Muslim Malaysia*. Pusat Kajian Demokrasi dan Pilihan Raya, UM.

Al-Baghdadi, ‘Abd Allah ibn al-Mubarak. (1981). *Kitab al-Jihad* (ed. Nazih Hammad). Beirut: Mu’assasat al-Risalah.

Al-Ghazali. (2005). *Ihya’ ‘Ulum al-Din* (Jilid 1–4). Kuala Lumpur: Darul Fikir.

Sofiurrahman Al-Mubarakfuri. (2011). *Al-Rahiq al-Makhtum (The Sealed Nectar)* (Terjemah Mohd Darus Senawi Ali). Kuala Lumpur: Crescent News (K.L.) Sdn. Bhd. bersama Kumpulan Usahawan Muslim Sdn. Bhd.

Amru Khalid (2014). *Di Bawah Naungan Sirah Nabawiyyah*. Kuala Lumpur: PTS Publishing House.

Berita Harian. (2024, Januari 3). *Usah peralat universiti, kebebasan akademik sebar idea liberal*. <https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2024/01/1199221/usah-peralat-universiti-kebebasan-akademik-sebar-idea-liberal>

Berita Harian. (2024, Oktober 17). *Kerajaan siasat 20 ajaran sesat termasuk 8 dipantau secara dekat*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/1314825/kerajaan-siasat-20-ajaran-sesat-termasuk-8-dipantau-secara-dekat>

Berita Harian. (2025, April 8). *Polis sedang lengkap siasat kes buli pelajar MRSM*. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/04/1381572/polis-sedang-lengkap-siasat-kes-buli-pelajar-mrsm>

Berita Harian. (2025, April 9). *Kes rogol, sumbang mahram di Kelantan membimbangkan - Polis*. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/04/1382165/kes-rogol-sumbang-mahram-di-kelantan-membimbangkan-polis>

Berita Harian. (2025, Februari 6). *Hampir 20,000 murid sekolah terjebak penggunaan vape, rokok elektronik*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/02/1357396/hampir-20000-murid-sekolah-terjebak-penggunaan-vape-rokok-elektronik>

Bruner, J. (1996). *The Culture of Education*. Cambridge: Harvard University Press.

HarakahDaily. (2024, Julai 10). *Gejala sosial golongan remaja makin meningkat*. <https://harakahdaily.net/index.php/2024/07/10/gejala-sosial-golongan-remaja-makin-meningkat/>

Hashim, N., & Embong, A. M. (2017). The Weakness of Islamic Education Curriculum in Character Building. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(6), 109–120.

- Hashim, R., & Embong, R. (2017). Islamic Education in Malaysia: The Integration of Naqli and Aqli Knowledge. *European Journal of Social Sciences Education and Research*, 10(1), 126–135. <https://doi.org/10.26417/ejser.v10i1.p126-135>
- Hassan Al-Banna. (1999). *Majmū‘at al-Rasā’il*. Beirut: Dar al-Turath al-Islami.
- Ibn al-Qayyim. (1994). *Zad al-Ma‘ad fi Hadyi Khair al-‘Ibad*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Ibn Kathir. (2003). *Al-Sirah al-Nabawiyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Khaldun. (1958). *The Muqaddimah: An Introduction to History* (F. Rosenthal, Trans.). Princeton University Press.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2023). *Laporan Statistik Tahunan*. Putrajaya: KPWKM.
- Mahzan, M., Arifin, M. B., & Roslan, S. (2020). Religious Identity Crisis among Muslim Adolescents in Malaysia: Challenges and Solutions. *Journal of Islamic Educational Studies*, 25(2), 103-120.
- MAIS. (2021). *Laporan Tahunan MAIS: Isu Murtad dan Atheisme di Selangor*. Shah Alam: MAIS.
- MalaysiaGazette. (2024, November 11). *Kes buli berterusan di UPNM memalukan, kematian Zulfarhan gagal ubah mindset*. <https://malaysiagazette.com/2024/11/11/kes-buli-berterusan-di-upnm-memalukan-kematian-zulfarhan-gagal-ubah-mindset/>
- MCMC. (2023). *Internet Users Survey 2023*. Malaysian Communications and Multimedia Commission.
- Mohd Noor, N. E., Tengku Kasim, T. S. A., & Md. Yusoff, Y. (2021). The role of teachers in the implementation of heutagogy in home-based learning. *Journal of Islamic Educational Research*, 7(1), 44–65.
- Muhammad Al-Ghazali. (2010). *Fiqh Sirah* (Jld. 1–2). Kuala Lumpur: Pustaka Salam
- Muhammad al-Khudhari. (2003). *Nur al-Yaqin fi Sirah Sayyid al-Mursalin* (Terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Qutb. (1992). *Manhaj Tarbawi al-Nabawi*. Kaherah: Dar al-Shuruq.
- Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain, Muhammad Faris Faisal Ahmad Raddi & Nur Najwa Hanani Abd Rahman. (2024). Cabaran Pengajaran Bidang Sirah bagi Guru Pelatih Pendidikan Islam. *International Journal of Academic Research in Education and Society*, 5(1), 1–10.
- Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain., Mohamed, A. M., Hehsan, A., Saidalvi, A., Mohd Nasir, B., Faisal, M. S., & Awae, F. (2024). Embedding higher order thinking skills in Islamic history (Sirah) education in Malaysia. *International Journal of Evaluation and Research in Education*, 13(2), 952–959.
- Munir Muhammad al-Ghadban. (1987). *Manhaj Haraki*. Robbani Press, Jakarta.
- Murni Zulkefli & Asyraf Isyraqi Jamil. (2024). Advancing Islamic education with game-based learning: Principles, effects, and implementation obstacles. *Journal of Islamic Educational Research*, 10(1), 1–12.
- Mustafa as-Syibaie. (2004). *As-Sirah an-Nabawiyah: Durus wa ‘Ibar*. Pustaka Salam.
- Nasr, S. H. (2002). *The Heart of Islam: Enduring Values for Humanity*. San Francisco: Harper One.
- NHMS. (2019). *National Health and Morbidity Survey: Adolescent Health Survey*. Institute for Public Health Malaysia.
- Noraziah Mhd Yusop, Khadijah Abdul Razak, Mohd Isa Hamzah. (2022). Differentiated learning practices in teaching Sirah: A study in Selangor and Negeri Sembilan trust schools. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(6), 1–15.

- Nur Saidatul Najihah Mohd Rashid, Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain, Muhammad Al Afiq Amiruddin. (2025). *Persepsi Guru Pendidikan Islam (GPI) Terhadap Teknik-Teknik Pengajaran Sirah di Sekolah Menengah*. *Research and Innovation in Social Education*, 14(1), 45–60.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2022, Ogos 2). *Al-Afkar #146: Waspada penyebaran ajaran sesat baharu - Agama Ahmadi*. https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-afkar/5857-al-afkar-146-waspada-penyebaran-ajaran-sesat-baharu-agama-ahmadi#_ftn1
- Pew Research Center. (2022). *The Future of World Religions: Population Growth Projections, 2010–2050*.
- Sayyid Qutb. (2001). *Fi Zilal al-Qur'an*. Cairo: Dar al-Shuruq.
- Rahman, F. (1982). *Islam and Modernity: Transformation of an Intellectual Tradition*. Chicago: University of Chicago Press.
- Rasheed Kahus. (n.d.). *Fiqh al-Sirah al-Nabawiyyah: Al-Mafhūm wa al-Asās wa al-Namūdhiyy*. Riyadh: Dār al-Kalimah li al-Nashr wa al-Tawzī'.
- Rosnani Hashim. (2005). *Educational Dualism in Malaysia: Implications for Theory and Practice*. Kuala Lumpur: IIUM Press.
- RTM Berita. (2024, November 30). *0.21 peratus pelajar, murid terlibat buli di Kedah*. <https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/0-21-peratus-pelajar-murid-terlibat-buli-di-kedah>
- Sa'id Ramadan al-butī. (2018). *Fiqh al-Sirah*. Jilid 1, Dewan Pustaka Fajar.
- Sahin, A. (2013). *New directions in Islamic education: Pedagogy and identity formation*. Islamic Education Series. Markfield: Kube Publishing.
- Shaukat, S., & Shujahat, M. (2017). The Role of Prophet Muhammad's (PBUH) Teachings in the Character Building of Youth. *Journal of Education and Social Sciences*, 5(2), 120–126.
- Shukri, M. (2006). Sirah sebagai Medium Pendidikan Nilai dalam Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidikan Islam*, 11(1), 35–49.
- Thoriq Ahmad. (2010). *Ini Sejarah Kita (ISK)*. Penerbit Pustaka Buku Putih.
- Zakaria, N., & Aziz, A. (2018). Teaching Sirah Nabawiyyah: An Evaluation of Content and Methodology. *Journal of Islamic Thought and Civilization*, 8(1), 55–70.